



BULETIN



SEJARAH PENUBUHAN BPIA
DAN UNIT INTEGRITI m/s **2**

STATISTIK AKTIVITI FUNGSI
TERAS UNIT INTEGRITI..... m/s **6**

SUCCESS STORIES : INISIATIF DAN
PENCAPAIAN UNIT INTEGRITI m/s **9**

TERKINI : IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) m/s **11**

PRAKATA



SIDANG REDAKSI BULETIN BPIA

PENAUNG

KPj Datuk Dzulkifli Bin Ahmad

PENASIHAT

TKPj Dato' Shamshun Baharin Bin Mohd Jamil

KETUA SIDANG PENGARANG

P/TPj Junipah Binti Wandi

PENYELARAS

P/KPKPj Rasidah Binti Abdul Karim

PENGARANG DAN PRODUKSI

P/PPj RMalarvili a/p Ramachandran

Puan Nur Baiti Binti Mohd Othman

Puan Mazlina Binti Mohamad

P/Ps Siti Ashura Binti Mat Hanapiah

P/Ps Abdul Amidin Bin Abdullah

KPKPs Sharifah Aidah Binti Haji Wan Hadion

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh

Salam Sejahtera

Salam 1 Malaysia

Bersyukur kita kepada Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya diberi peluang untuk bertemu di dalam ruangan ini buat julung kalinya. Perjalanan setahun jagung Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA) dan Unit Integriti Agensi yang bermula pada tahun 2013 adalah hasil cetusan idea Ketua Setiausaha Negara pada ketika itu bagi pengurusan integriti dan sebagai langkah proaktif kerajaan dalam menangani perlakuan rasuah di kalangan penjawat awam.

BPIA dan Unit Integriti telah menjadi satu titik tolak dalam memastikan penjawat awam mengamalkan budaya kerja unggul dengan ciri-ciri moral dan etika yang kukuh disamping dapat membendung salah laku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi di kalangan penjawat awam.

Usaha menerbitkan Buletin ini dilihat sebagai langkah baik oleh BPIA dalam mengetengah dan memaparkan inisiatif-inisiatif Unit Integriti yang bertindak sebagai kawalan dalaman agensi. Terbitan pertama ini akan memberi sedikit penerangan berkenaan Unit Integriti, fungsi-fungsi pelaksanaannya, usaha-usaha Unit Integriti dalam bertindak memerangi rasuah dan meningkatkan tahap integriti baik di Malaysia dan pengenalan kepada BPIA selaku penyelaras kesemua Unit Integriti.

Tahniah diucapkan kepada jawatankuasa Buletin Unit Integriti dan diharapkan semoga titipan ini dapat memberi manfaat yang tidak terhingga.

Sekian, terima kasih.

Junipah Binti Wandi


Pengarah Bahagian Pengurusan Integriti Agensi
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

DI SINI BERMULA ...

PENUBUHAN DAN FUNGSI BPIA

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melalui Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (PP Bil.6/2013) telah ditubuhkan secara rasmi pada 1 Jun 2013.


Secara dasarnya, arahan penubuhan Unit Integriti Agensi melalui PP Bil. 6/2013 adalah merupakan satu langkah proaktif kerajaan bagi menangani isu integriti di kalangan penjawat awam di mana Unit Integriti bertindak sebagai *focal point* dalam pengurusan integriti agensi yang dipantau dan diselaras oleh SPRM melalui BPIA.



Cetusan sejarah gerakan pengurusan integriti agensi


BPIA dipertanggungjawabkan untuk menyelaras pelaksanaan fungsi Unit Integriti agensi awam di peringkat Persekutuan, Negeri dan Syarikat Berkaitan Kerajaan serta bertanggungjawab untuk melaporkan sebarang permasalahan yang dihadapi dan pelaksanaan aktiviti-aktiviti Unit Integriti agensi kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Ketua Setiausaha Negara.

Antara lain tanggungjawab yang dijalankan oleh BPIA adalah pengurusan penempatan pegawai SPRM sebagai pegawai integriti di Unit Integriti agensi, bertanggungjawab dalam penyediaan dasar dan mekanisme pengurusan integriti dan memberi khidmat nasihat dan bantuan dalam hal-hal berkaitan pengurusan integriti kepada Unit Integriti. SPRM melalui BPIA juga melaksanakan penarafan risiko rasuah agensi bagi menentukan model Unit Integriti yang bersesuaian untuk dilaksanakan di setiap agensi.



Fungsi-fungsi utama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi

BPIA digerakkan melalui tiga (3) cawangan utama berikut yang akan melaksanakan fungsi-fungsi utama seperti dinyatakan.



DI SINI BERMULA ...

INISIATIF YANG DIJALANKAN

BPIA memandang serius terhadap sebarang pemasalahan atau kekangan yang dihadapi oleh Unit Integriti agensi awam dalam pelaksanaannya, justeru satu platform terbaik bagi pegawai integriti mengetengahkan isu-isu yang memerlukan perhatian khusus daripada Pengurusan Tertinggi khususnya Ketua Pesuruhjaya SPRM dan Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah disediakan melalui beberapa siri mesyuarat seperti berikut:



Mesyuarat Pengurusan Tertinggi SPRM Bersama Pegawai SPRM Yang Ditempatkan Ke Agensi Luar (MPSAL)

Mesyuarat Ketua Unit Integriti

Mesyuarat Khas KSN Bersama Ketua Unit Integriti (MKKSBNKUI)



Sekitar MKKSBNKUI dan MPSAL yang telah diadakan




DI SINI BERMULA ...

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI

Seperti yang digariskan di dalam PP Bil.6/2013, Unit Integriti secara strukturnya adalah di bawah penyelarasan BPIA dan bertanggungjawab melaporkan aktiviti pelaksanaan dan sebarang permasalahan atau isu kepada Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Ketua Jabatan agensi masing-masing.

Unit Integriti juga harus memberi komitmen dalam melaporkan aktiviti dan pelaksanaannya kepada Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU) sejajar dengan Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2009 ~ Penubuhan Jawatankuasa Keutuhan Tadbir Urus. Bagi memastikan pelaksanaan Unit Integriti lebih optimum, kerjasama strategik perlu dilaksanakan bersama organisasi luar yang lain.




Struktur Unit Integriti seperti digariskan di dalam PP Bil. 6/2013

DI SINI BERMULA ...

PENARAFAN RISIKO AGENSI

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menetapkan bahawa kesemua 887 agensi yang terdiri daripada Kementerian Persekutuan, Kementerian Negeri, Jabatan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan, Pihak Berkuasa Tempatan Persekutuan, Jabatan Negeri, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri untuk menubuhkan Unit Integriti selari dengan arahan penubuhan Unit Integriti Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6 Tahun 2013 (PP Bil.6/2013). Taraf risiko agensi kesemua 887 Unit Integriti ditentukan melalui penarafan risiko rasuah agensi yang dijalankan oleh SPRM melalui BPIA pada setiap 3 tahun atau mengikut keperluan.



Taraf risiko 887 agensi yang ditetapkan oleh JPA untuk menubuhkan Unit Integriti

Berdasarkan penarafan lalu, 21 agensi adalah dikategorikan sebagai bertaraf risiko tinggi di mana kebanyakannya terdiri daripada Kementerian, 42 berisiko sederhana manakala 824 agensi dikategorikan sebagai agensi bertaraf risiko rendah. Penarafan risiko ini dijalankan setiap 3 tahun atau berdasarkan permintaan mengikut keperluan. Penarafan risiko rasuah agensi ini juga adalah bagi menentukan model Unit Integriti yang merangkumi struktur dan minima perjawatan unit integriti tersebut seperti yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Tahap Risiko	Ketua Unit Integriti (KUI)	Bilangan pegawai mengikut Sub Unit							Jumlah Perjawatan termasuk KUI (Min)
		Pengukuhan Integriti	Pengurusan Aduan	Tadbir Urus	Pematuhan	Pengesanan & Pengesanan	Tatatertib	Sokongan/Pentadbiran	
Tinggi	Pegawai Siasatan (Gred>P54)	3	2	4	3	4	4	1	22
Sederhana	Agensi/PTD/Pegawai Siasatan (Gred>52)	4		4		6		0	15
Rendah	Agensi/PTD/Pegawai Siasatan (Gred>48)		3			3		0	7

Model Unit Integriti mengikut taraf risiko seperti ketetapan JPA

STATISTIK

AKTIVITI FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

1 PENGURUSAN ADUAN

5507

**MAKLUMAT DITERIMA
UNIT INTEGRITI
AGENSI AWAM**

Mewujudkan satu sistem pengurusan aduan Unit Integriti yang sistematik bagi memastikan tindakan diambil ke atas setiap aduan/maklumat mengenai salahlaku jenayah serta pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

PENGESANAN & PENGESAHAN 2

Memastikan ketelusan dan kecekapan dalam pengurusan maklumat dan aduan serta bertanggungjawab untuk membuat pengesanan dan pengesahan terhadap aduan-aduan salahlaku jenayah, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi yang diterima oleh UI dan seterusnya memastikan tindakan susulan yang sewajarnya diambil.

1199

**MAKLUMAT TELAH
DIJALANKAN
TINDAKAN
PENGESANAN
& PENGESAHAN**

URUS SETIA TATATERTIB 3

4,812

**PENYELESAIAN
KES
TATATERTIB**

Melaksanakan fungsi urus setia tatatertib berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 dan kerja-kerja pengurusan tatatertib.

STATISTIK

AKTIVITI FUNGSI TERAS UNIT INTEGRITI

4 PENGUKUHAN INTEGRITI

842

**PROGRAM
PENGUKUHAN
INTEGRITI
DIJALANKAN**

Fungsi ini memastikan pembudayaan, penginstitutionan dan pelaksanaan integriti dalam organisasi dapat dicapai. Serta melaksanakan advokasi pencegahan rasuah kepada warga organisasi

PEMATUHAN

5

Pemantauan ke atas pematuhan undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa adalah perlu di setiap organisasi bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai dan kakitangan melakukan kesalahan dari segi jenayah mahupun tatakelakuan dan etika.

798

**AKTIVITI
PEMATUHAN
DIJALANKAN**

6 TADBIR URUS

558

**INISIATIF
PENAMBAHBAIKAN
TADBIR URUS
AGENSI**

Fungsi ini berperanan untuk memastikan tadbir urus terbaik dapat dilaksanakan dalam usaha untuk memperkukuhkan integriti pegawai dan kakitangan agensi serta menangani isu-isu berkaitan Integriti.

SUCCESS STORIES

PROGRAM PEMATUHAN

Pemeriksaan Program Penyeragaman Harga

KPDNKK

8-19 Mac 2017 Sabah; Bintulu, Pulau Banggi, Kudat, Pulau Lারণan, Kg Igang-Igang dan Pulau Bum Bum, Semporna.

Unit Integriti KPDNKK telah melaksanakan semakan terhadap penyeragaman harga bagi barang kawalan Kerajaan diurus dengan teratur mengikut peraturan yang telah ditetapkan selain memastikan tiada sebarang tuntutan palsu yang dibuat oleh *transporter* yang dilantik.

Pematuhan yang dilakukan adalah yang bersifat pemeriksaan dan naziran yang bertujuan untuk memastikan semua peraturan, arahan dan prosedur dipatuhi.



MESEJ INTEGRITI SIRI 1/2017

TIDAK BOLEH MENERIMA HADIAH

Penjawat Awam TIDAK DIBENARKAN menerima hadiah daripada pihak swasta atau pihak lain kecuali dengan kelulusan KETUA JABATAN

- SPP Bil. 5 Tahun 2008
- PP Bil. 3/1998
- Peraturan 8, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan & Tata tertib) 1993
- SPI Bil. 6/1982, Denda, Hukuman Hadiah dan Sumbangan Daripada Pertubuhan, Individu, Perseorangan atau Kerajaan Negara Luar

Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Malaysia
477 dan 4, Blok 112, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62504 Putrajaya
03-88847984 / 7924 | unitintegriti@kpm.gov.my | 03-88847922

Inisiatif Bingkisan Integriti

Unit Integriti di Kementerian dan Agensi telah mengambil langkah untuk mewar-war dan mengingatkan warga kerja masing-masing untuk melaksanakan pematuhan ke atas undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di setiap organisasi bagi memastikan tiada ruang dan peluang untuk pegawai dan kakitangan melakukan kesalahan dari segi jenayah mahupun tatakelakuan dan etika. Bingkisan ini diedarkan melalui pelbagai medium seperti emel.

MESEJ INTEGRITI SIRI 2/2017

PENDIDIKAN, ASAS INTEGRITI

"PENDIDIKAN adalah senjata paling ampuh yang boleh anda gunakan untuk MENGUBAH DUNIA"
-Nelson Mandela-

Unit Integriti, Kementerian Pendidikan Malaysia
477 dan 4, Blok 112, Kompleks E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62504 Putrajaya
03-88847984 / 7924 | unitintegriti@kpm.gov.my | 03-88847922

4 (I) PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
(KELAKUAN DAN TATA TERtib) 1993 (P.U. (A) 255/1993)

PENJAWAT AWAM ADALAH DILARANG BERKELUANG YANG BOLEH DITAFSIRKAN SEBAGAI TELAH TIDAK MENAHIKIRKAN TAAT SETIA KEPADA YANG DI-PERTUJUAN ADONG, NEGARA DAN KERAJAAN

Perluasan tidak menahikan tajuk sedia ada. Kata-kata, tingkah laku atau perubahan

Memberikan ulasan / pandangan mengenai aplikasi media sosial

elektronik serta menyertai aktiviti yang tidak mengandungi prinsip *netiety* dan *impartiality*

BUANG KERJA!

Unit Integriti, JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

DEFINISI GANGGUAN SEKSUAL
SEBAGAI PERUBATAN BERSEKUTU, SEKSUAL YANG BOLEH MENYEBABKAN SEBESARNYA YANG MARANG BERSEKUTU, TERHINA ATAU TERGURU.

ELAKKAN

MEMINTA LAYANAN SEKSUAL
MENGGANGGU ATAU MENGHINA
CUBA MERAPATI ORANG LAIN SECARA SEKSUAL
MENYENTUH ANGGOTA SENSITIF BADAN
BERCERTA / JENAKA LUCAH
BUAT ISYARAT LUCAH

ANDA DICANGGUK?


PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI AWAM
• Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tata tertib) 1993, dan
• Peraturan 4A, Peraturan-Peraturan Pegawai Awam - Kelakuan & Tata tertib (Pulau Pinang) 1997

INFO INTEGRITI 4/2017

SUCCESS STORIES

INISIATIF PENGURUSAN ADUAN

Sistem Pengurusan Aduan Unit Integriti



Unit Integriti telah mengambil langkah proaktif dengan mewujudkan satu Sistem Pengurusan Aduan yang menjadi medium telus kepada pengadu untuk membuat sebarang aduan berkaitan salah laku kakitangan, kelemahan sistem dan prosedur kerja, perbuatan rasuah, penyalahgunaan kuasa dan penyelewengan.

Sistem ini membolehkan pengurusan aduan dijalankan dengan cekap dan aktiviti Pengesanan & Pengesahan dapat dijalankan dengan lebih efisien. Maklumat pengadu juga akan dilindungi dan dirahsiakan daripada didedahkan kepada pihak lain.

TADBIR URUS DAN PENGUKUHAN INTEGRITI

PELAN INTEGRITI

Antara lain inisiatif yang dijalankan oleh Unit Integriti di bawah Tadbir Urus dan Pengukuhan Integriti khususnya adalah dengan mewujudkan Pelan Integriti organisasi sebagai satu rangka tindakan komprehensif dalam pembudayaan nilai-nilai murni dan integriti bagi menerajui usaha-usaha transformasi agensi perkhidmatan awam khususnya aspek-aspek tersebut secara strategik dan berkesan.



TERKINI

INISIATIF BARU PENCEGAHAN RASUAH

IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) bertujuan memberi penekanan terhadap ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Beberapa organisasi seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, JKDM Negeri Perak, EXCO dan Pemain Pasukan Selangor, Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lain-lain organisasi telah memberi komitmen dengan menandatangani IBR.



BINGKISAN INTEGRITI

INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN

INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN

PERBENDAHARAAN kata integriti pada asalnya bukanlah merujuk kepada konsep yang ada hubung kaitnya dengan kehidupan manusia. Menurut Oxford English Dictionary, perkataan ini yang berakar umbi daripada kata adjektif bahasa Latin 'integer' diguna pakai asalnya untuk menggambarkan keutuhan sesuatu struktur atau binaan (structural integrity). Hanya pada 1659, kosa kata ini diperluaskan penggunaannya untuk membezakan konsep benar dan salah dalam kehidupan manusia.

Pelbagai definisi integriti mula diketengahkan antaranya sebagai kualiti kejujuran dan ketinggian prinsip-prinsip moral yang dipegang oleh seseorang individu. Selain itu, integriti turut ditakrifkan sebagai tahap konsistensi antara nilai moral yang dipegang seseorang individu dengan cerminan tingkah laku (perkataan atau perbuatan) yang ditunjukkannya. Analogi tentang penilaian sendiri integriti – yang penulis masih ingat sewaktu menghadiri kursus Training of Trainers (TOT) sejurus Pelan Integriti Nasional (PIN) dilancarkan pada 2004 adalah dengan membayangkan situasi di persimpangan lampu isyarat pada pukul 2 pagi, di kala lampu merah menyala dan tiada sesiapa di situ kecuali diri anda sendiri.

Individu yang berintegriti akan tetap mematuhi peraturan, kerana takrif integriti memerlukan individu bertingkah laku berdasarkan prinsip moral dan nilai-nilai etika, tanpa mengambil kira sama ada dilihat ataupun tidak. Justeru, untuk menjadi manusia yang berintegriti memerlukan seseorang individu itu menjadi manusia yang bermoral dan beretika dalam semua aspek kehidupan pada setiap masa. Dalam aspek tadbir urus dan pentadbiran organisasi misalnya, keruntuhan integriti

menyebabkan berlakunya pelbagai kepincangan seperti peningkatan amalan rasuah dan pecah amanah.

Tidak kira sama ada dalam organisasi awam mahupun swasta, pemegang jawatan ataupun pekerja yang tidak memiliki integriti diri yang tinggi akan sentiasa mencari peluang untuk melakukan penyelewengan demi kepentingan peribadi, tanpa memikirkan implikasi perbuatan mereka terhadap imej organisasi dan negara.

Ketirisan maklumat organisasi dan aktiviti-aktiviti yang meningkatkan indeks persepsi antarabangsa terhadap kemampuan negara membendung amalan korupsi merupakan contoh implikasi negatif yang didorong oleh perbuatan warga kerja yang tidak berintegriti. Dalam aspek pendidikan pula, tindakan oleh individu-individu tidak berintegriti boleh mencemar kesucian bidang yang sangat penting untuk membangunkan modal insan negara ini. Perbuatan-perbuatan seperti melakukan plagiat, memanipulasi kelayakan akademik, dan sebagainya bukan sahaja akan menjejaskan reputasi si pelakunya, tetapi juga boleh mengakibatkan kualiti sistem pendidikan negara di semua peringkat dipertikaikan secara keseluruhan.

Natijahnya, persekitaran pendidikan yang seharusnya merupakan lapangan untuk menerapkan nilai moral dan etika yang tinggi dalam diri generasi muda negara, hari ini turut dinodai oleh perbuatan golongan individu tertentu yang tidak berintegriti. Dalam konteks kepimpinan pula, integriti menjadi teras yang sangat penting untuk dijadikan asas penilaian kepada keberkesanan barisan kepimpinan semasa dalam apa jua situasi. Seseorang pemimpin yang berintegriti bukan sahaja perlu 'bersih', tetapi juga perlu kelihatan 'bersih' pada sebilang masa.

BINGKISAN INTEGRITI

INTEGRITI DALAM KEHIDUPAN

Dalam sejarah peradaban manusia, terlalu banyak contoh yang menunjukkan kejatuhan pemimpin yang tidak berintegriti atau yang terpalit dengan isu dan skandal yang tidak dapat dipastikan kebenarannya. Tuntasnya, integriti pemimpin yang boleh dipersoal akan menyebabkan integriti organisasi atau kumpulan manusia yang dipimpinya turut dipertikaikan. Pada masa sama, dilema yang dihadapi oleh para pengikut adalah sejauh mana perlunya mereka untuk terus taat dan setia kepada pemimpin yang memiliki integriti diri yang meragukan.

Kesimpulannya, membentuk diri untuk menjadi seorang individu yang berintegriti bukanlah sesuatu yang mudah. Namun, setiap individu yang inginkan kelangsungan kehidupan yang cemerlang pada masa hadapan perlu berusaha sedaya mungkin untuk memperkukuh integriti diri sendiri dan individu-individu di bawah tanggungjawab masing-masing. Memetik kata-kata cendekiawan Albert Einstein; *"...integrity without knowledge is weak and useless, and knowledge without integrity is dangerous and dreadful..."* Adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memperkasa dan membudayakan amalan integriti dalam semua aspek kehidupan bagi memastikan negara Malaysia akan sentiasa ditunjangi oleh ahli masyarakat madani yang memiliki integriti diri yang tinggi, insya-Allah.

Hasil nukilan

LT. KDR. (B) DR. ABU YAZID ABU BAKAR Pen-syarah Kanan (Bimbingan dan Kaunseling), Jabatan Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
27 Disember 2016

Artikel Penuh: <http://www.utusan.com.my/rencana/utama/integriti-dalam-kehidupan-1.42481>

INTEGRITI

"Perihal sifat individu dan organisasi yang sempurna berteraskan nilai murni seperti jujur, benar, amanah, adil, bertanggungjawab, telus, cekap dan bijaksana"

Institut Integriti Malaysia (INTEGRITI)



Salam & **Ramadhan** Salam Aidilfitri 1438 H



LAPORKAN RASUAH



: 1-800-88-6000



: <https://portaladuan.sprm.gov.my/Modules/Portal/index.html>

Terbitan:

Bahagian Pengurusan Integriti Dan Agensi (BPIA)
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
Tingkat 2, Blok D5,
Kompleks Kerajaan Parcel D
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62007, Putrajaya

Tel : 03-8894 8602

Fax : 03-8881 0305

Emel: urussetiaui@sprm.gov.my